

09 MAY 2001

Parlimen-Kuota

KONTROVERSI PENGISIAN KUOTA BUMIPUTERA DI IPTA ADALAH SATU SALAH FAHAM

KUALA LUMPUR, 9 Mei (Bernama) -- Menteri Pendidikan Tan Sri Musa Mohamad berkata isu pengisian kira-kira 7,000 kuota Bumiputera di institusi pengajian tinggi menjadi kontroversi berpunca daripada salah faham dan kelewatan Kementerian memberi penjelasan kerana cuti hujung minggu yang panjang.

Semasa memberi penjelasan mengenai perkara itu di Dewan Rakyat hari ini, beliau berkata angka kekosongan itu tidak wujud kerana ia sebenarnya berpunca daripada kekeliruan akhbar yang tersalah anggap perbezaan di antara sasaran pengambilan pelajar dengan pengambilan yang dibuat melalui Mesyuarat Pemilihan Bersama Institusi Pengajian Tinggi Awam (IPTA), sebagai kekosongan yang tidak diisi.

"Sasaran itu ialah untuk 38,000 tempat (bagi sesi 2001/2002) dan pengambilan pada mesyuarat itu ialah 30,832 pelajar. Perbezaan 7,186 tempat itu telah dianggap sebagai kekosongan," katanya.

Penjelasan itu dibuat mengikut peraturan mesyuarat 14 (1)(I) berhubung laporan akhbar pada 3 Mei lepas yang antara lain menyatakan terdapat 7,186 kekosongan di IPTA berikutan kuota pelajar Bumiputera tidak dipenuhi.

Speaker Tun Mohamed Zahir Ismail sebelum itu memberitahu Dewan Rakyat bahawa beliau telah menolak usul anggota Parlimen Kerk Kim Hock (DAP-Kota Melaka) bertarih 4 Mei untuk membincangkan perkara itu pada persidangan Dewan semalam kerana Kementerian Pendidikan bercadang membuat penjelasan.

Musa berkata tempat yang dilaporkan diisi itu tidak mengambil kira 8,365 pelajar lepas matrikulasi yang diambil masuk sebelum mesyuarat pemilihan bersama itu.

Berdasarkan angka itu, pengambilan pelajar ke IPTA bagi lepasan STPM/Matrikulasi dan kelayakan setaraf dengannya adalah sebanyak 39,197 iaitu melebihi sasaran sebanyak 1,197 orang, katanya.

Semasa bercakap kepada pemberita di lobi Parlimen, Musa berkata Kementerian berkenaan lewat memberikan penjelasan mengenai salah faham itu disebabkan hari Sabtu lepas ialah cuti Sabtu pertama bagi bulan Mei diikuti Ahad dan cuti umum Hari Wesak pada Isnin.

"Pengarah Jabatan Pendidikan Tinggi Prof Dr Hassan Said (pada mulanya) bercadang membuat sidang akhbar pada Sabtu (cuti Sabtu pertama) dan (kemudian) Perdana Menteri (Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad) telah membuat kenyataan berkenaan perkara itu.

(Dr Mahathir semasa mengulas perkara itu pada Ahad telah berkata kerajaan mungkin membuka kuota bagi pelajar Bumiputera yang gagal diisi di IPTA, untuk dipenuhi oleh pelajar bukan Bumiputera)

"Kementerian tidak mahu mengeluarkan kenyataan tanpa memberi penjelasan kepada Perdana Menteri terlebih dahulu. Oleh sebab itu hari yang terbaik ialah semalam (Selasa)," katanya.

Musa berkata dengan kenyataan beliau itu dan penjelasan Dr Hassan pada akhbar semalam, isu itu patut dianggap sudah selesai dan tidak perlu dipertikaikan lagi.

Musa bagaimanapun berkata masalah ada pelajar cemerlang yang akan gagal masuk ke IPTA lagi pada masa akan datang tidak dapat dielakkan selagi IPTA masih belum mampu menampung semua pelajar itu.

"Saya rasa polemik ini akan berulang. Tetapi jika mereka faham, mereka tidak harus risau kerana ada banyak jalan lain termasuk menyambung pelajaran di maktab, politeknik dan juga IPTS (institusi pendidikan tinggi swasta) dan kita sediakan pinjaman untuk pelajar menerusi PTPTN (Perbadanan

Tabung Pendidikan Tinggi Negara) bagi yang hendak belajar di IPTS," katanya.

Ketika diminta mengulasi 340 lepasan SPM daripada 500 pelajar cemerlang yang masih belum ditempatkan di mana-mana IPTA, Musa berkata pelajar berkenaan dijamin akan diberi tempat untuk menyambung pelajaran di tingkatan enam.

Akhbar sebelum ini melaporkan kira-kira 500 lepasan SPM dengan keputusan cemerlang gagal mendapat tempat di IPTA.

Kementerian bagaimanapun bersetuju memberikan pertimbangan khas kepada 160 pelajar yang sangat cemerlang iaitu mencatat 10A atau lebih dan sebilangan yang mencatat 9A untuk belajar di IPTA.

-- BERNAMA

NM HS RON